

19 MAR 2000

Umno-Rangkuman (4 ptg)

20 BAHAGIAN UMNO BERMESYUARAT SEHINGGA 4 PTG

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Kesemua 20 Bahagian Umno yang mengadakan persidangan perwakilan sehingga pukul 4 petang ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Setakat pukul 4 petang kedua-dua pemimpin itu masing-masing telah menerima sejumlah 71 pencalonan.

Sebanyak 26 bahagian dijadualkan bermesyuarat hari ini.

Dua puluh bahagian berkenaan ialah Sungai Siput, Johor Baharu, Nibong Tebal, Parit Sulong, Sri Gading, Ipoh Timur, Lumut, Arau, Ipoh Barat, Sandakan, Bayan Baru, Jasin, Kuala Langat, Klang, Gelang Patah, Gopeng, Taiping, Labuan, Sabak Bernam dan Jempol.

Tindakan Ketua Umno bahagian Sungai Siput Datuk Mohamad Padil Harun mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan timbalan presiden tidak berjaya apabila majoriti perwakilan memilih Abdullah pada mesyuarat bahagian itu.

Tengku Razaleigh tetap dengan satu pencalonan bagi jawatan presiden dan satu bagi timbalan presiden.

Bagi jawatan naib presiden, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini dicalonkan oleh 19 bahagian menjadikan jumlah pencalonan yang diperolehinya 68 dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman (44).

Dua lagi calon Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar melayakkan diri untuk bertanding jawatan naib presiden hari ini apabila melepasi syarat sekurang-kurangnya 17 pencalonan perlu diterima.

Osu kini mempunyai 21 pencalonan iaitu penambahan enam pencalonan dan Abu Hassan menambah lapan pencalonan menjadikan jumlah yang diperolehinya 24.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim mempunyai 9 pencalonan, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin (7), Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Samad (15), Tan Sri Muhammad Muhamad Taib (11), Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar (12), Tengku Razaleigh Hamzah (2) dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (2).

-- BERNAMA

MAM PR